

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS  
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEMPENA  
MAJLIS RIANG RIA RAYA AIDILFITRI UNIVERSITI MALAYSIA  
PERLIS (UniMAP) TAHUN 2018  
BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, KAMPUS PAUH PUTRA  
PADA 2 JULAI 2018, JAM 10.30 PAGI**

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”* serta Salam *‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan - UniMAP’*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama sekali lagi pada pagi yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor, seluruh Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang menjayakan perjumpaan penuh bermakna kita ini.

Seterusnya, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Timbalan-timbalan Naib Canselor, dif-dif kehormat, Ketua-Ketua Jabatan, Pensyarah, pelajar serta semua yang dapat melapangkan masa.

*“Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Dan Batin”*.

Hadirin sekalian,

Pada kesempatan ini, Saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran kerana kita semua sekali lagi dikurniakan peluang oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk memanfaatkan Ramadan serta menikmati Aidilfitri sebagai tanda kejayaan pengorbanan serta kesabaran dalam mengharungi dugaan-dugaan yang telah dilalui pada tahun ini.

Saya berdoa agar segala ibadah yang kita sama-sama laksanakan ini diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta mampu menyucikan hati serta membuka 1001 pintu rezeki untuk kita yang telah berjaya menikmati zatnya.

Hadirin sekalian,

Saya harap semua telah kembali bersemangat bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai Penjawat Awam, dan para pelajar juga sudah teruja dengan sesi kuliah masing-masing.

Namun, dalam kita bergembira menikmati juadah dan juga pelbagai makanan setelah sebulan berpuasa, ada satu perkara yang Saya terpanggil untuk sekali lagi mengingatkan bahawa kebersihan alam sekitar mestilah diberikan perhatian serius oleh semua.

Sebagai anggota masyarakat yang hebat, dan bermentaliti kelas pertama dalam tindakan, janganlah lagi membuang sampah dan sisa makanan sesuka hati yang akan mengakibatkan pencemaran alam.

Di sini, Saya turut menyeru warga UniMAP agar tidak menyokong penggunaan polisterin yang membahayakan kesihatan.

Saya sendiri telah mengeluarkan titah tegas sejak tahun 2012 lagi supaya setiap majlis yang melibatkan kehadiran Saya agar tidak sekali-kali menggunakan sebarang jenis polisterin sebagai bekas makanan.

Di luar sana, khususnya di gerai-gerai, pasar-pasar malam dan pasar Ramadan baru-baru ini Saya masih lihat ada peniaga yang masih terus menggunakannya. Ia amatlah tidak wajar.

Mungkin mereka kurang kesedaran tetapi sebagai pengguna Saya harap penggunaan polisterin ditolak 100% demi menjaga alam sekitar, kesihatan diri sendiri serta keluarga tersayang.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, pada kesempatan ini juga, Saya ingin mengucapkan tahniah kepada UniMAP yang diiktiraf berada di tangga ke-40 sebagai '*Best Universities in Southeast Asia 2018*' oleh '*QS World University Rankings*'.

Seterunya, walaupun kita semua masih lagi di dalam '*mood*' beraya, namun nasihat Saya juga agar bersemangatlah dan berusaha sekeras-kerasnya dalam memastikan universiti kebanggaan kita ini terus kekal berdaya saing dan berjaya, Insyaallah.

Dengan ini saya merasmikan 'Majlis Riang Ria Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Tahun 2018'.

Sekian,

Wabilahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.